



MEMO DALAMAN BAHAGIAN PENGURUSAN

Fail:(HDOK)/BP/199/222/50

Tarikh: 24 November 2014

TAJUK	MELAKUKAN PERKEJAAN LUAR (LOKUM) DI SEKTOR SWASTA OLEH PEGAWAI PERUBATAN KKM	
DARIPADA	Pengarah Hospital	Salinan: Timbalan Pengarah (Perubatan)
KEPADA	Semua Ketua Jabatan Semua Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Siswazah	

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lokum merupakan salah satu insentif kerajaan bagi mengekalkan pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar untuk terus berkhidmat di fasiliti kerajaan demi memantapkan perkhidmatan kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Walaubagaimanapun, bagi memastikan insentif ini tidak disalahgunakan, KKM telah memberikan garis panduan pelaksanaan lokum untuk pegawai perubatan dan pakar perubatan semasa menjalankan lokum di sektor swasta melalui **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 2 Tahun 2010** dan **Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 5 Tahun 2006**.

4. Adalah diingatkan perkara berikut hendaklah dipatuhi oleh pegawai perubatan dan pakar perubatan yang ingin melaksanakan lokum di sektor swasta:

4.1 Mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan (iaitu Pengarah Hospital);

4.2 Memohon dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM) untuk menambah alamat bertugas semasa membuat lokum dalam sijil amalan perubatan masing-masing;

4.3 Melaksanakan lokum di premis swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) sahaja;

4.4 Mematuhi peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Pergigian Swasta) 2006;

4.5 Mematuhi *Code of Professional Conduct* yang dikeluarkan oleh MPM khususnya terhadap penggunaan *Professional Calling Cards*;

4.6 Menjalankan lokum pada waktu lepas pejabat, pada hari kelepasan am, cuti hari minggu, cuti tahunan atau cuti semasa belajar **sahaja**;

4.7 Pegawai perubatan lantikan tetap mestilah memiliki Sijil Pendaftaran Penuh dari MPM apabila melakukan lokum; dan

4.8 Pegawai perubatan dan pakar perubatan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas dirinya semasa menjalankan lokum dan tidak membabitkan kerjaan misalnya apabila timbul kes-kes *medico-legal* semasa menjalankan lokum.

5. Selain daripada itu, beberapa perkara **larangan** perlu ditegaskan bagi pegawai perubatan dan pakar perubatan yang menjalankan lokum iaitu:

5.1 Pegawai perubatan yang berdaftar dibawah Seksyen 14 (3) atau 16 Akta Perubatan 1971 (biasanya warga asing atau pemaustatin tetap yang dilantik oleh KKM secara kontrak untuk berkhidmat di KKM) **tidak boleh** mengamalkan kerja lokum;

5.2 Pegawai perubatan atau pakar perubatan Kontrak Warganegara atau Permaustatin tetap yang terikat dengan Perjanjian Kontrak khususnya Fasa 5 (iv) tidak dibenarkan menjalani lokum sejajar dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 2008 (*Contract of Service*);

5.3 Pegawai perubatan siswazah (PPS) tidak dibenarkan melakukan lokum;

5.4 Pegawai perubatan warganegara asing tidak dibenarkan melakukan lokum;

5.5 Lokum tidak boleh diamalkan di klinik atau hospital di mana pegawai mempunyai kepentingan diri yang boleh menjejaskan kepentingan dan integrity perkhidmatan awam seperti memiliki syer di premis berkenaan; dan

5.6 Pegawai perubatan dan pakar perubatan tidak dibenarkan mengiklankan atau memberi *Business Card* hospital atau klinik swasta dengan tujuan untuk memendekan masa menunggu di perkhidmatan kerajaan.

6. Juga ingin diberitahu adalah menjadi kesalahan kepada Pemegang Lesen (PIC) premis swasta sekiranya PIC tersebut mengambil pekerja yang tidak mempunyai kelayakan atau pengalaman yang diiktirafkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan seperti yang tertera dalam Klausula 31(1)(c) Bahagian VI Akta 586.

7. Dilampirkan bersama-sama memo ini borang permohonan menjalankan pekerjaan luar (lokum) yang wajib diisi oleh semua pegawai perubatan dan pakar perubatan yang ingin mengamalkan lokum.

8. Kerjasama dan keperihatinan tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.



(DR FRANCIS PAUL)

Pengarah

Hospital Duchess of Kent, Sandakan

BORANG PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM

Tarikh: _____

Tuan /Puan,

**PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM BAGI PAKAR PERUBATAN/PAKAR PERGIGIAN,
PEGAWAI PERUBATAN/PEGAWAI PERGIGIAN**

Saya : No Kad Pengenalan :

Tempat Bertugas:

No.Pendaftaran Penuh: No.Amalan Tahunan:

Memohon kebenaran dan kelulusan untuk membuat lokum di Hospital/Klinik seperti di bawah.

1.

2.

3.

Saya berjanji akan mematuhi garis panduan menjalankan lokum bagi pegawai perubatan/pegawai pergigian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya berjanji akan mengutamakan perkhidmatan di sektor awam dan bersedia untuk dipanggil pada bila-bila masa khususnya di waktu kecemasan dan saya faham Ketua Jabatan berhak menarik balik kelulusan pada bila-bila masa jika didapati bercanggah dengan peraturan sedia ada.

(Tandatangan Pemohon)

Permohonan disokong/tidak disokong

(Tandatangan Ketua Unit)

Cop Rasmi Jabatan
Tarikh:

KEPUTUSAN

Permohonan diluluskan/tidak diluluskan.

Berikut adalah tempat amalan yang telah diluluskan.

1.

2.

3.

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Cop Rasmi
Tarikh:

(Catatan: Sila serahkan sesalinan borang ini kepada pemohon setelah mendapat keputusan)